

## ANALISIS KETAKSAAN DALAM NOVEL SEMUSIM DI MAHSYAR

Saiful Ibrahim Abas Saiful Bahri dan Rozita Che Rodi\*

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis unsur ketaksaan yang terkandung dalam novel Semusim di Mahsyar. Data yang diperoleh daripada novel ini akan dikategorikan mengikut jenis leksikal, iaitu kata, frasa dan ayat. Teori Relevans yang menjadi sandaran dalam menganalisis data bagi kajian ini diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori ini mengandungi tiga gagasan, iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses atau usaha memproses. Ketaksaan dan kekeliruan makna timbul dalam kalangan pembaca novel apabila penggunaan kata, frasa dan ayat yang tidak jelas dalam penulisan. Ketaksaan yang terkandung dalam penulisan novel Semusim di Mahsyar ini bukan satu kesalahan. Hal ini berlaku disebabkan terdapat perbezaan interpretasi dan pemahaman, khususnya dalam kalangan pembaca. Penggunaan kata, frasa dan ayat yang pelbagai dalam penulisan untuk menarik perhatian pembaca akan menimbulkan pelbagai interpretasi dan pemahaman. Kajian ini penting untuk mengelakkan salah faham tentang pentafsiran makna yang hendak disampaikan oleh penulis kepada pembaca, khususnya kepada pembaca novel. Kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak, khasnya kepada para penyelidik dan pengkaji bahasa dalam memahami bidang pragmatik terutama dalam genre penulisan kreatif seperti penulisan novel.

**Kata kunci:** ketaksaan; makna; leksikal; frasa; ayat

### *Analysis of Ambiguation in Novel Semusim Di Mahsyar*

### ABSTRACT

*This study aims to identify and analyze instances of lexical ambiguity in the novel Semusim di Mahsyar. Data obtained from this novel will be categorized according to lexical types, namely words, phrases, and sentences. The Relevance Theory, as the basis for analyzing the data in this study, was founded on Sperber and Wilson's work (1986). This theory encompasses three main ideas: context, contextual effects, and processing effort. Ambiguity and misunderstandings arise among novel readers when words, phrases, and sentences are used ambiguously in the text. Ambiguity in the writing of Semusim di Mahsyar is not an error but rather stems from differing interpretations and understandings, particularly among readers. The varied use of words,*

### **INFO MAKALAH**

Dihantar: 3 September 2024

Diterima: 5 November 2024

Diterbitkan: 30 November 2024

Volume 11, Isu 2, November 2024

E-mel:

ita\_cherodi@upm.edu.my (Rozita Che Rodi)

\*Penulis Penghubung

*phrases, and sentences in the writing aims to capture readers' attention, thereby generating diverse interpretations and understandings. This study is crucial for preventing misinterpretations of the intended meaning conveyed by the author to readers, especially novel readers. It offers benefits to various parties, particularly researchers and language analysts, in understanding the pragmatic aspects, especially within creative writing genres such as novel writing.*

**Keywords:** ambiguity; meaning; lexical; phrase; sentence

---

## PENGENALAN

Bahasa pada dasarnya terbahagi kepada dua jenis, iaitu lisan dan tulisan. Bahasa merupakan alat yang paling berkesan untuk menyampaikan maklumat dan berkomunikasi dengan masyarakat. Namun, tanpa makna yang jelas, komunikasi yang bermakna tidak akan berlaku.

Kekaburuan dan ketaksaan ialah jenis ketidakjelasan makna dalam bahasa, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, yang melibatkan kata, klausa, ayat, dan wacana (Erik Santoso, 2020). Menurut Abdullah Yusof et al. (2009), ketaksaan bermaksud makna yang tidak jelas dari sudut kata, frasa, atau ayat. Untuk mengatasi ketidakjelasan makna, analisis teks perlu dilakukan secara lebih mendalam dan meluas (Harimurti Kridalaksana, 2008).

Terdapat empat jenis ketaksaan dalam bidang bahasa. Antaranya ialah ketaksaan struktural, leksikal, figuratif dan ketaksaan yang disengajakan. Bahasa ialah sistem komunikasi yang penting bagi manusia. Bahasa pada dasarnya terbahagi kepada dua jenis, iaitu lisan dan tulisan. Bahasa merupakan alat yang paling berkesan untuk menyampaikan maklumat dan berkomunikasi dengan masyarakat (Noor, 2010). Namun, tanpa makna yang jelas, komunikasi yang bermakna tidak akan berlaku.

Terdapat dua cara ketaksaan ini terjadi. Pertama, ketaksaan terbentuk melalui peristiwa pembentukan kata secara tatabahasa. Sebagai contoh, pada peringkat morfologi, kata dasar "makan" apabila menerima imbuhan "ter-" akan berubah menjadi "termakan". Perkataan yang telah menerima imbuhan, iaitu "termakan", membawa makna berganda, dan pembaca atau pendengar mungkin mempunyai lebih daripada satu tafsiran. "Termakan" boleh bermaksud "seseorang tidak sengaja memakan sesuatu makanan" atau "orang yang sudah tertipi".

Selain itu, ketaksaan leksikal terjadi kerana butiran leksikal mempunyai sifat lebih daripada satu makna. Hal ini berlaku disebabkan kaedah penggunaannya atau disebabkan oleh perkara leksidental (I Dewa Putu Wijana, 2008). Ketaksaan leksikal wujud disebabkan beberapa faktor. Pertama kata homonim (mengandungi bunyi yang sama dengan perkataan lain namun membawa makna yang berlainan). Kedua, kata homograf (perkataan yang mempunyai ejaan yang sama dengan perkataan lain tetapi mengandungi makna yang berbeza). Akhir sekali, kata homofon (perkataan yang mempunyai bunyi yang sama dengan perkataan lain tetapi berbeza maknanya) (Hasan Alwi, 2002). Hal ini menyebabkan berlaku makna yang lebih daripada satu dalam setiap kata dalam lingkungan penggunaannya.

Malahan, ketaksaan figuratif pula berkaitan dengan unsur polisemi pada peringkat leksikon dan perbezaan budaya. Ketaksaan figuratif terjadi jika makna kata dianalisis dalam bentuk figuratif tidak dianalisis secara linguistik. Makna yang diungkapkan bersifat implisit. Semasa analisis ketaksaan figuratif dalam ayat dilakukan, pengkaji perlu mengenali dan memahami makna figuratif. Dalam penterjemahan, perlu dilihat terlebih dahulu dari segi kesamaan dan kesejadian. Hal ini terjadi

perbezaan budaya menyukarkan penutur untuk mencari persamaan yang tepat, terutama dari sudut bentuk (Maheram Ahmad, 2016).

Seterusnya, ketaksaan yang disengajakan dalam bahasa ialah ketaksaan yang sengaja dicipta dalam penulisan seperti teks iklan, tajuk berita, dan laras undang-undang. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pembaca agar pembaca melakukan proses pentafsiran sendiri berdasarkan maklumat yang sedia ada dalam kalangan pembaca. Tujuannya, untuk menimbulkan kesan yang mendalam dan berulang dalam diri pembaca. Teks undang-undang, ketaksaan yang disengajakan digunakan untuk mewujudkan tafsiran pelbagai versi, terutama dalam kes pembelaan.

Kesimpulannya, penggunaan bahasa kabur akan menimbulkan fahaman yang tidak berkesan dalam kalangan pembaca atau pendengar dalam lisan dan tulisan. Setiap kata, frasa, dan ayat yang mengalami ketaksaan secara tidak langsung menjadi tidak efektif dan komunikatif kepada pendengar atau pembaca. Hal ini demikian kerana tidak semua pembaca atau pendengar mampu memahami makna yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis melalui kata, frasa, atau wacana yang kabur atau taksa. Justeru, penutur atau penulis perlu mengetahui lingkungan audien atau pembaca yang disasarkan agar mesej yang hendak disampaikan dapat difahami dengan mudah dan jelas oleh pendengar atau pembaca.

## Objektif Kajian

- mengenal pasti jenis ketaksaan dan kecaburan makna yang terkandung dalam novel Semusim di Mahsyar.
- menganalisis makna yang mengalami ketaksaan mengikut jenisnya.

## SOROTAN LITERATUR

Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020) melakukan kajian makna implisit dalam lirik lagu “Rapuh” yang dipopularkan oleh kumpulan Opick. Pengkaji memilih lagu ini kerana lagu ini mempunyai beberapa nasihat yang hendak disampaikan oleh pencipta lagu. Kata yang digunakan dalam lirik lagu ini juga mengandungi makna yang tersirat dalam menyampaikan pesanan kepada pendengar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Teori Relevans juga digunakan sebagai landasan dalam menganalisis data. Hasil kajian mendapat bahawa terdapat tiga data yang mengandungi makna implisit yang dapat dikenal pasti. Data yang mengandungi makna implisit terdiri dari aspek kata, frasa dan juga ayat. Hasil daripada penganalisisan makna implisit dalam lirik lagu “Rapuh” ini, pengkaji secara tidak langsung mendapat bahawa pemikiran penulis asal lagu ini dapat diselami. Hasil kajian ini memberikan maklumat yang meluas kepada pembaca tentang makna implisit terutama dalam lirik lagu.

Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015) menjalankan kajian berkaitan struktur bahasa dan konteks bahasa dalam dialek Kedah. Bahasa orang Asli dan teks dalam iklan telah digunakan sebagai bahan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti kategori dan fungsi sesebuah elemen deiksos dalam dialek Kedah. Pengkaji memfokuskan Kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan teknik rakaman untuk mengumpul data. Hasil kajian mendapat bahawa Dialek Kedah Kota Setar mengandungi deiksos perorangan menerusi kata ganti nama diri serta penggunaan vokatif yang terhasil daripada kata panggilan. Contohnya, frasa “had ini” yang merujuk rujukan demonstratif kerana kerap digunakan dalam sesi perbualan. “Had ini” mewujudkan dua

konteks rujukan 18 konteks rujukan makna yang pelbagai. Antara maknanya ialah membawa kepada isyarat memegang dan juga merujuk isyarat menunjuk atau menuding jari.

Bahasa mempunyai bentuk gramatikal atau juga dikenali sebagai struktur ayat yang mempunyai makna yang lebih daripada satu makna sehingga menyebabkan kecaburan kefahaman dalam kalangan pendengar atau pembaca (Ullman, 2007). Imbuhan sufiks dan prefiks merupakan imbuhan makna yang berlaku dalam kata dan terjadinya ketaksaan gramatikal. Menurut Erik Santoso (2020) ketaksaan leksikal pula merupakan kata, frasa dan ayat yang mempunyai makna yang berganda kerana kata dasarnya mempunyai lebih daripada satu makna bergantung kepada konteks yang dirujuk.

Siti Maryam dan I Dewa Putu Wijana (2014) menjalankan kajian ketaksaan berdasarkan penulisan komik. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mendeskripsikan penyimpangan yang terjadi terhadap aspek pragmatik termasuklah aspek kebahasaan. Dalam kajian ini, komik yang dipilih oleh pengkaji sebagai bahan kajian ialah komik bersiri "*Mice Cartoon*". Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan komik bersiri "*Mice Cartoon*" yang bertajuk *Obaldi Oblada Life Goes On* dan politik santun dalam kartun. Hasil kajian mendapat bahawa terdapat data wacana humor yang hadir menerusi aspek pragmatik yang dibahagikan kepada tiga. Pertama, hasil kajian ini mendapat bahawa terdapat penyimpangan prinsip kerjasama, iaitu maksim kuantiti, kualiti, relevans, pengurangan, kerendahan hati, kesesuaian, simpati dan penerimaan. Aspek kedua ialah aspek penyimpangan kesopanan dan aspek ketiga ialah penyimpangan parameter. Aspek kebahasaan pula memberikan bukti tentang unsur wacana seperti fonologi, ketaksaan, hiponim, sinonim, nama dan lain-lain. Hasil kajian mendapat dan dapat menerangkan unsur ketaksaan dalam komunikasi tulisan, iaitu menerusi penggunaan medium bahan bacaan komik yang menjadi bahan kajian bagi kajian ini.

Berdasarkan kajian yang telah dijelaskan di atas, ketaksaan leksikal boleh dianalisis menggunakan beberapa pendekatan yang bersesuaian seperti analisis menggunakan Teori Relevans, Teori Makna, pendekatan Ad Hoc dan Teori Imej. Ketiga-tiga kajian lepas di atas telah membuktikan bahawa ketaksaan berlaku dalam komunikasi sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan kerana mempunyai faktor dan tujuan yang tertentu. Hal ini memerlukan pendengar atau pembaca berfikir dengan lebih kreatif dan kritis untuk mendapatkan makna yang hendak disampaikan.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian perlu jelas untuk memastikan bahawa kedua-dua objektif kajian ini dicapai. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti ketaksaan yang terkandung dalam novel *Semusim* di Mahsyar oleh Hadi Fayyadh. Reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan untuk kajian ini ialah kaedah berbentuk kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk memberikan penjelasan ketaksaan yang terdapat dalam novel *Semusim* di Mahsyar.

Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan bahan yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan (Masitah Mad Daud et al., 2017). Kajian ini menggunakan data sekunder, iaitu data diperoleh menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan laman sesawang. Pengkaji telah mendapatkan pelbagai informasi dan maklumat berkaitan kajian ketaksaan dan kecaburan makna yang dilakukan para sarjana dan penyelidik terdahulu seperti mendapatkan maklumat bagi objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, penggunaan teori atau pendekatan yang bersesuaian dalam bidang ini.

Penggunaan sesuatu teori penting untuk memastikan kajian yang dijalankan mengikut disiplin ilmu yang telah ditetapkan. Untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana terdahulu pengkaji menggunakan Teori Relevans yang telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori Relevans mempunyai tiga elemen, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses dalam penghuraian untuk mendapatkan makna yang jelas.

Bagi elemen pertama, iaitu konteks, merupakan set andaian dalam menginterpretasi maklumat yang diungkap oleh penutur. Menurut Nor Hashimah (2003), konteks merujuk pembinaan seberkas andaian tentang dunia secara semula jadi oleh pendengar. Maklumat persekitaran fizikal konteks tidak terbatas dan hampir dengan ujaran terdahulu (Fatin Rabiha dan Zaitul Azma, 2017). Menurut Nor Hashimah (2003) dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2005) konteks boleh dikenal pasti melalui tiga cara, iaitu ujaran terdahulu, melalui persekitaran dan memori yang tersimpan dalam ensiklopedia yang dirujuk apabila kata itu digunakan.

Selain itu, elemen kedua, iaitu kesan konteks merupakan andaian awal yang terdapat pada pendengar tentang kerelevanan maklumat dengan diri pendengar (Sperber dan Wilson, 1986). Nor Hashimah (2003) dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) menjelaskan bahawa catatan ensiklopedia yang disimpan telah menyebabkan pendengar mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur dan dapat diproses sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar ujaran untuk memperoleh kesan konteks yang tinggi.

Elemen yang terakhir ialah kos memproses merupakan elemen yang saling berkait dengan usaha memproses maklumat (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006). Nor Hashimah (2003) menjelaskan bahawa memproses melibatkan penginterpretasian makna ujaran. Semakin mudah usaha memproses maklumat, semakin relevan ujaran. Jika semakin sukar usaha memproses maka semakin tidak relevan sesuatu ujaran tersebut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan meneliti unsur ketaksaan dalam novel *Semusim di Mahsyar* melalui analisis leksikal yang merangkumi kata, frasa, dan ayat. Dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986), kajian ini menumpukan kepada tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses atau usaha memproses. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ketaksaan dalam novel tersebut terletak pada cara konteks digunakan dan usaha pembaca untuk memahami maksud tersirat.

### Jenis Ketaksaan dan Kekaburan yang Terdapat dalam Novel Semusim di Mahsyar

Berdasarkan hasil penelitian berlandaskan jenis ketaksaan dan kecaburan makna yang terkandung dalam novel Semusim di Mahsyar, terdapat tiga jenis ketaksaan dan kecaburan yang telah dikenal pasti, iaitu ketaksaan leksikal, frasa dan ayat.

Jadual 1. Ketaksaan Leksikal

Data	Keratan Dialog
1	Ya Allah, aku di mana.. himpit dan panasnya...Aku tidak mampu bernyawa... <b>kembalikan aku</b> Ya Allah.. Aku membuka mata. Terlindung di sebalik nipisnya sang kain. Tangan dan kakiku terikat. Bau kapur barus cukup menusuk kuat.
2	Oksigen tidak lagi mampu menampung nyawaku di dalam lubang. Aku mula sesak nafas, <b>dadaku berombak</b> . Lemas di dalam kegelapan. Aku lenyap, hilang pergantungan kehidupan.

Jadual 2. Ketaksaan Ayat

Data	Keratan dialog
3	<p>Teet...teeettt...teeetttt...teettt...</p> <p>Telingaku menangkap bunyi</p> <p>Mataku dibuka perlahan.</p> <p><b>Aku berada di sebuah pembarangan.</b> Aku di mana?</p> <p>Dihempap dengan kekeliruan. Otakku terkeluar dari acuannya. Terhentak, fenomena asing dari alam berbeza.</p> <p>Saluran air dan wayar alat pernafasan yang ada semuanya ditarik keluar. Aku ingin bangun dan berlari pulang ke rumah. Aku rindukan Ibu... Aku teramat rindukan ayah... aku mahukan kembali kehidupan bersama.</p>
4	<p><b>Apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?</b></p> <p>Saya jadi bingung, keliru...</p> <p>Tak da apa-apa pun, rehatlah.. mungkin kau terlalu penat. Balas ringkas seolah dia menyembunyikan sesuatu.</p>

Berdasarkan data tersebut, dialog yang mempunyai ketaksaan amat jelas dalam novel Semusim di Mahsyar. Dialog ‘kembalikan aku,’ ‘dadaku berombak.’, ‘Aku berada di sebuah pembarangan’, ‘Apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?’ yang mempunyai makna bukan literal. Sehubungan itu, kajian ini akan merungkaikan makna ketaksaan berdasarkan Teori Relevans melalui gagasan konteks, kesan konteks dan kos memproses.

### Analisis Ketaksaan dan Kekaburuan

Setelah penggunaan ketaksaan dialog dalam novel Semusim di Mahsyar dikenal pasti, data tersebut dianalisis maknanya berlandaskan Teori Relevans. Teori Relevans menekankan tiga gagasan utama dalam pentafsiran makna, iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses. Ketiga-tiga gagasan ini dibantu oleh proses penggabungan, penguatan dan pengguguran. Pengkaji akan menganalisis data secara teoretikal dan makna ujaran yang taksa dalam dialog novel Semusim di Mahsyar dapat diuraikan dengan jelas.

### Ketaksaan Frasa

Berdasarkan data 1, pengkaji mendapati bahawa terdapat unsur ketaksaan frasa. -Frasa merupakan kesatuan gramatikal yang berupa gabungan kata yang bersifat nonproduktif. Batasan itu digunakan untuk membezakan frasa dengan ujaran, iaitu klausa kerana ujaran merupakan gabungan kata yang bersifat predikatif. Kata yang digabungkan tadi berpotensi mewujudkan ketaksaan dalam kalangan pembaca apabila timbul kekeliruan dalam menginterpretasikan makna bukan literal. Oleh yang demikian, pengkaji membuktikan bahawa data mempunyai unsur ketaksaan dalam frasa dalam Jadual 3.

Jadual 3. Analisis Ketaksaan Frasa Data 1

<b>Keratan Dialog dalam Novel Semusim di Mahsyar</b>
--

Data	Dialog
1	Ya Allah, aku di mana.. himpit dan panasnya...Aku tidak mampu bernyawa... <b>kembalikan aku</b> Ya Allah..  Aku membuka mata. Terlindung di sebalik nipisnya sang kain. Tangan dan kakiku terikat. Bau kapur barus cukup menusuk kuat.

**Makna Linguistik Data 1**

Data	Kategori (Frasa)	Makna literal/linguistik
1	Kembalikan aku	<p>1) <b>kembalikan</b> - pulang ke tempat asal.</p> <p>2) <b>Aku</b> - kata ganti nama diri pertama (selalu digunakan dalam perhubungan yang akrab antara sesama kawan dan antara manusia dengan Allah tetapi agak kasar jika digunakan ketika berbicara dengan orang yang harus dihormati).</p> <p>3) <b>Kembalikan aku</b> - hantar seseorang (aku) ke tempat asal.</p>

**Analisis Teori Relevans (TR) Data 1**

Kod	Inferens	Andaian
Kembalikan aku	Tempat	(a) Rumah (b) Hospital (c) Dunia

Data 1 dalam Jadual 3, iaitu ‘kembalikan aku’ merupakan frasa kerana terdiri daripada dua gabungan kata atau lebih dalam ungkapan ‘kembalikan aku Ya Allah’ frasa ‘Ya Allah’ merupakan bahagian predikat ayat yang terdiri daripada kata ganti nama diri ketiga. Kata inti bagi ‘kembalikan aku Ya Allah’ ialah ‘kembalikan’. Sehubungan dengan itu, dalam data 1, frasa ‘kembalikan aku Ya Allah’ ialah makna pada peringkat harfiahnya. Berdasarkan maklumat konteks, kembalikan aku merujuk ingin balik semula ke tempat asal setelah dibawa ke suatu tempat yang tidak pasti keberadaannya.

Berdasarkan makna linguistik pula, secara mudahnya ‘kembalikan aku’ merujuk seseorang sedang merayu kepada orang yang membawanya ke suatu tempat untuk menghantarnya kembali ke tempat asalnya. Namun, menurut Blackmore (1992), komunikasi makna yang mahu disampaikan tidak semestinya dihasilkan daripada makna harfiah.

Menurut Carol (2008), jika data bahasa ini dianalisis menggunakan Teori Relevans, didapati terdapat lebih makna linguistik yang dikenal pasti. Berdasarkan data 1, pembaca akan memproses makna frasa ‘kembalikan aku’ sebagai kembalikan watak itu ke dunia. Hal ini demikian kerana, watak

tersebut merayu kepada sang pencipta, iaitu watak menyebut ‘Ya Allah’ yang merujuk sang pencipta bagi sekalian makhluk. Melalui andaian yang telah diberikan, ternyata andaian (C) sangat relevan.

Maklumat ensiklopedia yang sedia ada akan memainkan peranan kepada pembaca untuk menginterpretasikan makna ‘kembalikan aku’ yang diucapkan oleh watak. Andaian (C), iaitu dunia adalah selaras dengan pengetahuan sedia ada. Kesan konteks bagi data 1 adalah tinggi dan menyebabkan usaha untuk memproses adalah rendah. Kerelevan andaian (C) juga dapat diperkuuh dengan ujaran sebelum itu, iaitu ‘aku di mana.. himpit dan panasnya’. Hal ini selaras dengan Teori Relevans yang menyentuh bahawa proses penguatan, iaitu andaian awal tadi dapat diperkuuh dengan maklumat lain dan dengan melihat ujaran lain juga dapat membantu dalam proses penginterpretasian makna (Wong Shia Ho, 2014).

Jadual 4. Analisis Ketaksaan Frasa Data 2

<b>Keratan Dialog dalam Novel Semusim di Mahsyar</b>		
Data	Dialog	
2	Oksigen tidak lagi mampu menampung nyawaku di dalam lubang.  Aku mula sesak nafas, <b>dadaku berombak</b> .  Lemas di dalam kegelapan. Aku lenyap, hilang pergantungan kehidupan	
<b>Makna Linguistik Data 2</b>		
Data	Kategori (Frasa)	Makna literal/linguistik
2	Dadaku berombak	1) <b>Dada</b> - bahagian tubuh yg di hadapan terletak di antara perut dgn leher. 2) <b>Berombak</b> - mempunyai ombak, bergelombang kecil-kecil: angin bertiup dan laut. 3) <b>Ku</b> - Singkatan ‘Aku’. 4) <b>Dadaku berombak</b> - Dada berbentuk seperti ombak.
<b>Analisis Teori Relevans (TR) Data 1</b>		
Kod	Inferens	Andaian
Dadaku berombak	Anggota badan	(a) Dada yang ditimpa ombak di tepi laut. (b) Dada yang di tiup angin. (c) Keadaan dada seorang yang turun dan naik secara laju kerana berada dalam keadaan yang cemas atau panik.

Data 2 dalam Jadual 4, iaitu ‘dadaku berombak’ juga sama seperti data 1, iaitu merujuk frasa kerana terdiri daripada gabungan dua kata atau lebih ungkapan ‘dadaku berombak’ ‘dada’ merujuk kata nama am dan ‘berombak’ merupakan kata kerja. Berdasarkan dialog yang dipetik, maklumat konteks bagi dialog ‘dadaku berombak’ makna secara linguistik ialah dada seorang yang berbentuk seperti ombak. Seperti yang sering kita lihat di lautan ombak terjadi apabila air laut ditiup oleh angin menyebabkan bentuk air laut turun dan naik dan saiz ombak bergantung kepada kekuatan angin dan cuaca pada ketika itu.

Berdasarkan data 2, semasa pembaca membaca frasa tersebut, pembaca akan memproses makna frasa ‘dadaku berombak’ dada seseorang sedang turun dan naik berserta nafas yang tercungap. Andaian (C) merupakan makna yang tepat bagi situasi ini. Hal ini demikian kerana sebelum dialog tersebut terdapat dialog yang dapat memberikan bayangan keadaan watak tersebut, iaitu:

Oksigen tidak lagi mampu menampung nyawaku di dalam lubang.  
‘Aku mula sesak nafas’.

Frasa ‘Aku mula sesak nafas’ telah menguatkan andaian bahawa watak tersebut berada dalam keadaan yang tercungap dan secara kebiasaan dada manusia kelihatan seperti ombak disebabkan nafas yang pendek.

Selain itu, maklumat ensiklopedia juga memainkan peranan kepada pembaca untuk mentafsir makna ‘dadaku berombak’. Andaian (C), iaitu keadaan dada seorang yang turun dan naik secara laju kerana berada dalam keadaan yang cemas atau panik telah wujud dan diketahui oleh pembaca kerana setiap manusia akan mengalami perkara yang sama apabila seseorang tu berada dalam keadaan cemas, ketakutan dan kelelahan dan menyebabkan nafas menjadi pendek serta secara semula jadi atau lumrah anggota dada menjadi turun dan naik dalam keadaan yang cepat disebabkan paru-paru perlu bekerja keras mendapat oksigen yang secukupnya untuk membolehkan seseorang terus bernyawa pada ketika itu.

### Ketaksaan Ayat

Ayat yang kabur juga banyak menghasilkan maksud. Ketaksaan ditakrifkan sebagai sifat binaan atau konstruksi yang dapat diberikan lebih daripada satu tafsiran. Untuk mendapatkan perbezaan sesuatu ayat, pengkaji perlu peka dan menyedari kewujudan dua jenis binaan ayat yang berbeza.

Jadual 5. Analisis Ketaksaan Ayat Data 3

<b>Keratan Dialog dalam Novel Semusim di Mahsyar</b>	
Data	Dialog
3	<p>Teet...teeettt...teeetttt...teettt...</p> <p>Telingaku menangkap bunyi</p> <p>Mataku dibuka perlahan.</p> <p><b>Aku berada di sebuah pembarangan.</b> Aku di mana?</p>

	Dihempap dengan kekeliruan. Otakku terkeluar dari acuannya. Terhentak, fenomena asing dari alam berbeza.  Saluran air dan wayar alat pernafasan yang ada semuanya ditarik keluar. Aku ingin bangun dan berlari pulang ke rumah. Aku rindukan Ibu... Aku teramat rindukan ayah... aku mahukan Kembali kehidupan bersama.
--	---

**Makna Linguistik Data 3**

Data	Kategori (ayat)	Makna literal/linguistik
3	Aku berada di sebuah pembaringan	<p>1) <b>Aku</b> - Kata ganti nama diri orang pertama.</p> <p>2) <b>Berada</b> - ada (di), ada atau terdapat di sesuatu tempat atau dalam sesuatu keadaan.</p> <p>3) <b>Di</b> - kata sendi yang digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama bagi menunjukkan tempat atau arah.</p> <p>4) <b>Sebuah</b> - satu buah.</p> <p>5) <b>Pembaringan</b> (perbaringan) - tempat berbaring.</p>

**Analisis Teori Relevans (TR) Data 3**

Kod	Inferens	Andaian
Aku berada di sebuah pembaringan	Tempat	<p>(a) Seseorang sedang berbaring di atas katil hospital.</p> <p>(b) Seseorang sedang menikmati waktu rehat dengan berbaring.</p> <p>(c) Jasad seseorang dibaringkan dalam liang lahad.</p>

Berdasarkan Jadual 5, terdapat ungkapan tersirat yang menyebabkan kekeliruan kepada pembaca. Dialog ‘aku berada di sebuah perbaringan’ boleh ditafsirkan sama ada seseorang sedang berbaring di atas katil, seseorang sedang menikmati waktu rehat dengan berbaring atau jasad seseorang dibaringkan dalam liang lahad. Untuk mendapatkan makna sebenar ujaran tersebut, kajian ini perlu membuat andaian awal kerana mendapati bahawa ‘aku berada di sebuah pembarongan’ bukan merujuk seseorang yang sedang berbaring di atas katil atau seseorang sedang menikmati waktu rehat dengan berbaring tetapi makna yang ingin disampaikan berbeza dari aspek linguistik makna asal.

Selain itu, data 3, iaitu ‘aku berada di sebuah perbaringan’ pada peringkat makna harfiahnya ialah kata ganti nama diri pertama, aku yang merujuk individu yang sedang berada di suatu tempat yang membolehkan seseorang berada dalam keadaan baring. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dan makna secara terus ‘aku berada di sebuah perbaringan’ telah dijelaskan sebagai ‘seseorang sedang berbaring di atas katil’. Namun, makna linguistik tersebut jelas tidak menunjukkan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis kerana makna tersebut tidak sesuai dengan makna konteks.

Analisis menggunakan Teori Relevans, andaian bagi makna sebenar ‘aku berada di sebuah perbaringan’ dikemukakan seperti yang di bawah:

- (a) Seseorang sedang berbaring di atas katil hospital.
- (b) Seseorang sedang menikmati waktu rehat dengan berbaring.
- (c) Jasad seseorang dibaringkan dalam liang lahad.

Kesemua andaian di atas telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan dialog ‘aku berada di sebuah perbaringan’ untuk membedah makna yang tepat seperti yang hendak disampaikan oleh penulis novel. Hal ini demikian kerana dialog sebelum ini ialah ‘mataku dibuka perlahan’ dan dialog selepas itu ialah watak sedang tertanya keberadaannya, iaitu ‘aku berada di mana’.

Berdasarkan tiga andaian yang telah dibuat oleh pembaca andaian (a) merupakan andaian yang paling relevan dengan makna dialog ‘aku berada di sebuah perbaringan’. Andaian lain, iaitu andaian (b) dan andaian (c) yang tidak jelas dengan konteks digugurkan. Hal ini memudahkan pembaca dalam usaha memproses andaian lain.

Jadual 6. Analisis Ketaksaan Ayat

Keratan Dialog dalam Novel Semusim di Mahsyar		
Data	Dialog	
4	<p><b>Apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?</b></p> <p>Saya jadi bingung, keliru...</p> <p>Tak da apa-apapun, rehatlah.. mungkin kau terlalu penat. Balas ringkas seolah dia menyembunyikan sesuatu.</p>	
Makna Linguistik Data 4		
Data	Kategori (ayat)	Makna literal/linguistik
4	<b>Apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) <b>Apa</b> - kata tanya</li> <li>2) <b>Yang</b> - kata hubung</li> <li>3) <b>Berlaku</b> - kata terbitan</li> <li>4) <b>Ke</b> - kata arah</li> <li>5) <b>Atas</b> - kedudukan</li> <li>6) <b>Saya</b> - kata ganti diri pertama</li> <li>7) <b>Mak Ngah</b> - Sapaan kepada ibu saudara kedua</li> </ol>
Analisis Teori Relevans (TR) Data 4		

Kod	Inferens	Andaian
<b>Apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?</b>	Pertanyaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Seseorang sedang bertanya mengenai perkara sedang terjadi.</li> <li>(b) Seseorang yang ingin mengetahui apa yang telah terjadi atas dirinya.</li> <li>(c) Seseorang yang ingin mendapat maklumat perkara yang sebelum terjadi terhadap dirinya.</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 6, terdapat ayat tersirat yang menimbulkan tanda tanya kepada pembaca. Ayat ‘Apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?’ boleh ditafsirkan maknanya seperti seseorang baru sedar daripada pengsan dan bertanya apa yang telah menimpa dirinya sehingga dia berada dalam keadaan tidak sedar dan tidak mengetahui apa-apa yang sedang berlaku. Untuk menguatkan makna tafsiran yang dinyatakan, analisis ini bukan merujuk andaian awal ‘seseorang sedang bertanya mengenai apa yang sedang terjadi.’ Malah, jika diperhati mengikut situasi maknanya berbeza sekali daripada makna asal.

Sehubungan dengan itu, data 4, iaitu ‘apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah’ pada peringkat asasnya ialah kata tanya apa, dengan keadaan yang sedang berlaku terhadap dirinya. Keadaan ini memberikan maklumat yang individu telah pengsan dan kemudian sedar beliau berada di tempat lain dan bertanya orang paling dekat dengan dirinya, iaitu Mak Ngah dan bertanya apa yang berlaku terhadap dirinya.

Berdasarkan makna linguistik tersebut ‘apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?’ telah dijelaskan apa yang sedang terjadi ke atas dirinya. Walau bagaimanapun, makna tersebut tidak memaparkan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh watak kerana tidak selaras dengan konteks.

Untuk menganalisis makna sebenar, analisis Teori Relevans digunakan bagi data ini. Andaian makna sebenar bagi dialog ‘apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?’ dikemukakan seperti yang berikut:

- (a) Seseorang sedang bertanya mengenai perkara sedang terjadi.
- (b) Seseorang yang ingin mengetahui apa yang telah terjadi atas dirinya.
- (c) Seseorang yang ingin mendapat maklumat perkara yang sebelum terjadi terhadap dirinya.

Andaian di atas telah dilakukan oleh pengkaji berdasarkan dialog ‘apa yang berlaku atas saya Mak Ngah?’ untuk merungkai makna yang betul dan tepat seperti yang disampaikan oleh penulis. Hal ini demikian kerana Mak Ngah menjawab pertanyaan dengan jawapan ‘Tak da apa-apa pun, rehatlah.. mungkin kau terlalu penat’. Hal ini menunjukkan bahawa watak Mak Ngah sedang menyembunyikan perkara yang telah berlaku terhadap diri watak tersebut. Daripada tiga andaian yang telah dibina oleh pembaca, andaian yang paling relevan dengan makna ayat ‘apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah?’ ialah andaian (b).

Justeru, makna sebenar yang ingin disampaikan adalah seperti dalam andaian (b), iaitu ingin mengetahui apa yang telah terjadi atas dirinya. Hal ini diperkuuh dengan dialog seterusnya yang

diujarkan oleh Mak Ngah, iaitu ‘Tak da apa-apa pun, rehatlah.. mungkin kau terlalu penat’ yang menunjukkan watak telah menempuh situasi yang luar biasa hingga dia tidak sedarkan diri.

Selain itu, analisis ini juga mendapati bahawa andaian (b) yang dinyatakan bagi data ‘apa yang berlaku ke atas saya Mak Ngah’ sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos proses yang kompleks. Menurut Wong Shia Ho (2014) semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran maka semakin tinggi kerelevan sesuatu ujaran itu.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kedua-dua objektif yang dicipta dalam kajian berjaya dicapai oleh pengkaji. Objektif pertama kajian ini ialah mengenal pasti jenis ketaksaan dan kecaburan yang terdapat dalam novel Semusim di Mahsyar. Berdasarkan analisis berpandukan objektif pertama ini dapat disimpulkan bahawa terdapat dua jenis ketaksaan yang telah dikenal pasti, iaitu ketaksaan frasa dan ketaksaan ayat.

Objektif kedua kajian ini ialah menganalisis ketaksaan dan kecaburan mengikut jenisnya. Berdasarkan analisis data dengan berpandukan Teori Relevans dapat dirumuskan bahawa penulis novel ini menggunakan pelbagai gaya penulisan yang tidak jelas untuk menarik minat pembaca untuk membaca sehingga tamat. Pembaca perlu memproses makna ayat yang disampaikan kerana penulis tidak menyampaikan makna secara langsung. Penulis membuat pembaca perlu mencari idea dan berteka-teki untuk mendapatkan makna sebenar. Bagi pembaca pula, untuk merungkaikan makna tersebut pembaca perlu membaca dengan lebih lanjut untuk mendapatkan maklumat dan jawapan.

Antara cadangan yang sesuai dikemukakan oleh pengkaji sebagai panduan untuk pengkaji pada masa akan datang menambah baik kajian ini ialah pengkaji mencadangkan agar analisis kajian diperluaskan. Hal ini demikian kerana dalam kajian ini pengkaji hanya menganalisis dua jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan ayat dan frasa. Pengkaji akan datang boleh memperluas aspek analisis dengan mengkaji keempat-empat jenis ketaksaan, iaitu ketaksaan struktur, leksikal, figuratif dan ketaksaan yang disengajakan.

Kesimpulannya, pengkaji akan datang juga boleh melakukan analisis dengan lebih terperinci. Pengkaji mencadangkan agar pengkaji akan datang mengaplikasikan pendekatan Rangka Rujuk Silang dan diuraikan dengan menggunakan Teori Relevans untuk mendapatkan hasil analisis yang lebih mendalam dan terperinci.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim, Mohd Ra'in Shaari. (2009). *Semantik dan pragmatik bahasa Melayu*. Pustaka Salam.
- Abir Wardati Nasruddin, Zuraini Jusoh, Sharil Nizam Sha'ri & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2021). Ketaksaan figuratif dalam laporan berita sukan bola sepak. *Jurnal Linguistik*, 25(1): 050-065.
- Erik Santoso. (2020). *Ambiguitas pada judul berita surat kabar suara merdeka edisi September-Oktober 2019 dan implikasinya terhadap pembelajaran bahasa Indonesia di SMA*. Skripsi thesis, Universitas Pancasakti Tegal.
- Fatin Rabihah Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic*, 6(2017), 13-24.

- Hadi Fayyadh. (2017). *Semusim di Mahsyar: Ratap dari pembarangan lahad*. Iqes Tijarah Trading.
- Harimurti Kridalaksana. (2008). *Kamus Linguistik Edisi Keempat*. Gramedia Pustaka Utama.
- Hasan Alwi. (2002). *Telaah bahasa dan sastra*. Yayasan Obor Indonesia.
- I Dewa Putu Wijana. (2008). *Semantik: Teori dan analisis*. Yuma Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maheram Ahmad. (2016). *Ketaksaan dalam penterjemahan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman, Nik Zulaiha Zakaria. (2017). Perenggu minda Melayu dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 14(3), 1-12.
- Mohd Syukri Anwar. (2022). Analisis berita COVID-19 menggunakan konsep ad hoc. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 29-48. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no2)
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Saadah Mohd Salleh & Hashim Musa. (2016). Kepelbagaian makna leksikal dalam iklan produk kecantikan. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 3(1), 25-36.
- Norajihah Muda & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna ungkapan dalam perbualan kanak-kanak perempuan berdasarkan teori imej. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 7, 96-105.
- Nurul Huda Mohd Saad, and Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Imbuhan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam: Analisis teori relevans. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3): 136-155. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-09>
- Nurul Shahida Ismail & Maslida Yusof. (2015). Analisis Deiksis Dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(1), 163-187.
- Siti Maryam & I Dewa Putu Wijana. (2014). Analisis wacana humor dalam kumpulan komik Serial Mice Cartoon. *Tesis Master*. Universitas Gadjah Mada.
- Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna tersurat dan tersirat dalam iklan di radio berdasarkan teori imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 01(2014), 65-75. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v1.420>

Wong Shia Ho. (2014). Makna penutur dalam ayat teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu analisis teori relevans. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5(1), 208-239.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Bahasa konteks dan pemikiran kanak-kanak: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 5(2), 134-153.

Zul Hanis Yop Othman & Nabilah Bolhassan. (2020). Leksikal penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dari sudut pragmatik. *Jurnal Kesidang Kesidang Journal*, 5(2020), 190-200.

Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 033-050.

Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Makna implisit dalam lirik lagu “Rapuh”: Analisis teori relevans. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 7(20), 37-49.

### Biodata Penulis

**Saiful Ibrahim Abas Saiful Bahri** merupakan calon sarjana di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Penumpuan bidang kajiannya ialah semantik dan pragmatik.

**Rozita Che Rodi (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Pemikiran dan Peradaban Melayu. Beliau pernah mengikuti kursus Pasca Doktoral di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian terhadap *Penelitian Kandungan Bustan Al-Salatin Berkaitan Nasihat Syeikh Nur al-Din al-Raniri Kepada Sultan Aceh* dari tahun 2015-2017.